




DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. Mewujudkan persekitaran tempat kerja dan kemudahan fasiliti yang selamat dan sihat bagi semua warga kerja, peserta kursus dan pihak yang berkepentingan;
2. Mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pendidikan, latihan dan penambahbaikan berterusan dalam menangani kejadian insiden bagi memenuhi kehendak perundangan dan peraturan yang berkaitan;
3. Memastikan semua warga kerja dan jurulatih mendapat latihan secukupnya sebelum diberikan tanggungjawab dalam mengendalikan sesuatu latihan dan kursus;
4. Memastikan setiap jurulatih dan peserta kursus dibekalkan dengan perkakasan perlindungan diri (PPE) yang sesuai mengikut keperluan latihan;
5. Mengkaji dan menilai semula semua polisi, dasar serta prosedur kerja berkaitan dari masa ke semasa;

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia percaya bahawa keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah diterjemahkan dalam pelbagai aktiviti harian dan menggunakan cara kerja yang selamat dan sihat bagi mencapai misi dan visi akademi. Pihak Pengurusan komited melaksana dan menyelaraskan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti yang telah diluluskan.


DATO' TS. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
26 MAC 2024